

<b>Headline</b>	KL-Beijing tingkat kerjasama		
<b>MediaTitle</b>	Berita Harian		
<b>Date</b>	15 Jun 2012	<b>Color</b>	Full Color
<b>Section</b>	Nasional	<b>Circulation</b>	192,982
<b>Page No</b>	2	<b>Readership</b>	1,521,000
<b>Language</b>	Malay	<b>ArticleSize</b>	490 cm <sup>2</sup>
<b>Journalist</b>	N/A	<b>AdValue</b>	RM 16,526
<b>Frequency</b>	Daily	<b>PR Value</b>	RM 49,578



# KL-Beijing tingkat kerjasama

Pemindahan teknologi, program latihan kemahiran mantap modal insan

Oleh Magendran Rajagopal  
dan Suhaila Shahrul Annuar  
bhnews@bharian.com.my

**C**YBERJAYA: Keakraban hubungan diplomatik Malaysia-China harus dimanfaatkan semua sektor ekonomi, khususnya bagi memantapkan kemahiran modal insan negara.

Datuk Seri Najib Razak berkata, ini boleh dibuat menerusi pemindahan teknologi atau program latihan kemahiran.

Perdana Menteri berkata, hubungan akrab yang terjalin sejak 40 tahun lalu membuktikan kedua-dua negara mempunyai ikatan unik yang tidak terhad kepada dagangan atau pelaburan dua hala.

"Umpamanya, keputusan China memberi sepasang beruang panda kepada Malaysia adalah satu pengiktirafan kerana ia tanda simbolik yang menunjukkan republik itu amat menghargai hubungan itu," katanya berucap pada majlis pelancaran Pusat Latihan Global Huawei Malaysia (MGTC) di sini, semalam.

Hadir sama Duta China ke Malaysia, Chai Xi; wakil khas Perdana Menteri ke China, Tan Sri Ong Ka Ting dan Presiden Huawei Technologies Asia Pacific, Victor Wang.

MGTC adalah pusat latihan teknologi dan komunikasi maklumat (ICT) pertama seumpamanya di luar China dengan matlamat menjadikan Malaysia pusat latihan profesional global bagi ICT generasi akan datang dengan sasaran melatih dan melahirkan 10,000 profesional ICT Malaysia menjelang 2020.

Sementara itu, Presiden Perbadanan Putrajaya (PPj), Tan Sri Samudin Osman pada sidang media berasingan di Putrajaya, berkata persediaan untuk menerima pasangan panda China sedang giat dijalankan.

Katanya, PPj, Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar serta Kementerian Wilayah Persekutuan dan Kesejahteraan Bandar (KWP-KB) kini pada peringkat mengenal



NAJIB mencuba telefon pintar Huawei Ascend P1 Android 4.0 (ICS) yang belum dilancarkan di pasaran selepas merasmikan majlis pelancaran Pusat Latihan Global Huawei Malaysia, di Putrajaya, semalam.



*Hubungan akrab yang terjalin sejak 40 tahun lalu membuktikan kedua-dua negara mempunyai ikatan unik*

**Najib Razak**  
Perdana Menteri

pasti keperluan haiwan itu, termasuk aspek kesesuaian tempat tinggal, sumber makanan dan kepakanan penjagaan kesihatan.

"Hasil lawatan pegawai kita ke China dan Singapura, kita dapat gambaran awal persediaan yang perlu dilakukan, tetapi semuanya bergantung kepada pakar dari China yang bertanggungjawab memantau kesesuaian habitatnya di sini.

"PPj memperuntukkan kawasan seluas kira-kira satu hektar di Ta-

man Wetlands Putrajaya sebagai tempat tinggal dan enam hektar untuk menanam buluh sebagai sumber makanannya.

"Untuk penanaman buluh, kita sedang bekerjasama dengan Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM), malah tiga daripada 15 jenis buluh yang sesuai dimakannya sudah sedia ada di Taman Wetlands iaitu buluh jenis pagar (Bambusa Multiplex), betong serta Thailand," katanya.